

Pembelajaran Dalam Talian Pada Era Covid-19: Pengalaman Pelajar Kursus Metodologi Penyelidikan FPBU

Lubna Abd Rahman¹, Zalika Adam¹, Wan Azura Wan Ahmad¹ & Siti Rosilawati Ramlan¹

*¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
lubna@usim.edu.my, zalika@usim.edu.my, wanzura@usim.edu.my,
rosilawati@usim.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan- Masyarakat seluruh dunia menyaksikan satu perubahan drastik dalam cara hidup mereka sejak berlakunya penularan wabak COVID-19. Perubahan ini meliputi semua aspek kehidupan termasuklah sosial, ekonomi dan politik. Masyarakat terpaksa mengharungi norma kehidupan baharu bagi mengekang penularan pandemik ini. Bidang pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahu pun institusi pengajian tinggi turut terkesan dengan perubahan tersebut. Di Malaysia, para pendidik dan pelajar mula beralih daripada pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah dan bilik kuliah kepada norma baharu PdP dalam talian (online). Pelbagai platform digunakan untuk merealisasikan sistem PdP seperti penggunaan Google Classroom, Telegram, Zoom, Microsoft dan sebagainya agar pelajar tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut mewajibkan pembelajaran atas talian selaras dengan arahan Kementerian Pendidikan Tinggi agar kaedah pembelajaran tersebut dilaksanakan secara berterusan sehingga Disember 2020. Bukanlah mudah untuk berubah kepada normal baharu kerana perubahan ini berlaku secara drastik.

Objektif – Kajian ini cuba melihat perubahan ini dari kaca mata pelajar Universiti Sains Islam Malaysia untuk mengetahui pandangan mereka tentang pembelajaran atas talian.

Methodologi – Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik dan hanya memilih sebahagian pelajar Tahun 3 yang mengikuti kursus Metodologi Penyelidikan (MP) sebagai sampel kajian.

Dapatan – Kajian awal mendapati kursus ini bukanlah mudah untuk dipelajari melalui dalam talian kerana memerlukan penerangan secara terus daripada pensyarah. Selain itu, pelajar juga kurang selesa mengikuti pembelajaran dalam talian kerana tidak dapat bersemuka dengan pensyarah untuk bertanyakan apa jua permasalahan yang dihadapi semasa melakukan tugas.

Kepentingan – Kajian ini diharapkan dapat diambil perhatian oleh pihak berwajib untuk memastikan kaedah PdP sentiasa dalam keadaan yang selesa kepada pelajar dan memberi manfaat yang optimal dalam pembelajaran mereka.

Kata Kunci: COVID-19, kursus Metodologi Penyelidikan, pembelajaran atas talian

Pengenalan

Dengan kehadiran wabak Covid-19 di seluruh dunia pada tahun ini, seluruh sistem hidup manusia di bumi ini berubah dari satu kehidupan normal kepada bentuk norma baharu. Semua aspek kehidupan terkesan dengan pandemic ini seperti ekonomi, politik, sosial dan Pendidikan. Masyarakat terpaksa menjalani normal baharu dalam kehidupan untuk mencegah penularan wabak ini, Penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan kerap basuh tangan menjadi amalan masyarakat sehingga ke hari. Hakikatnya, pandemik ini membawa impak besar dalam masyarakat. Sebahagian besar negara terpaksa mengenakan perintah berkurang, perintah kawalan pergerakan dan seumpamanya untuk mengekang wabak ini daripada terus merebak dan mengganas.

Antara aspek kehidupan yang terkesan dengan pandemic ini ialah pendidikan. Pembelajaran dalam talian telah menjadi norma baharu semenjak wabak ini melanda. Pelbagai reaksi masyarakat dapat dilihat berhubung perkara ini. Di sesetengah negara, pembelajaran dalam talian tidak dapat memberikan hasil yang memberangsangkan, menyebabkan kurang penglibatan aktif dan pelbagai gangguan semasa aktiviti pembelajaran (Adnan & Anwar, 2020; Hill & Fitzgerald, 2020). Di Malaysia, semua institusi pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahu pun di peringkat pengajian tinggi terpaksa ditutup. Tetapi, pembelajaran tetap diteruskan secara dalam talian supaya pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Pelbagai platform dalam talian diperkenal dan digunakan oleh para guru dan pelajar seperti Zoom, Microsoft Teams, Google Meet, Telegram dan sebagainya.

Selaras dengan arahan penutupan institusi pengajian tinggi dan meneruskan pembelajaran secara dalam talian. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut patuh kepada arahan tersebut dan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) melalui aplikasi dalam talian sama secara segerak atau pun tidak segerak seperti Microsoft Teams, Zoom, Google Meet, Telegram dan Whatsapp. Namun, persoalannya: adakah semua pelajar merasa selesa dengan dalam kelaziman baharu yang mewajibkan penggunaan aplikasi seumpama itu dalam aktiviti P&P? Justeru, penulisan ini cuba mengingkap pengalaman pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM yang telah menjalani suasana norma baharu era COVID-19 dalam pembelajaran satu salah kursus yang ditawarkan, iaitu kursus Metodologi Penyelidikan, memandangkan kursus ini dilihat perlu kepada kaedah bersemuka secara fizikal antara pensyarah dan pelajar.

Sorotan Kajian literatur

Pandemic COVID-19 yang melanda dunia sejak Disember 2019 hingga saat ini telah mencetuskan fenomena baharu dalam kehidupan masyarakat dunia, Sektor ekonomi terjejas teruk dan kestabilan politik dan sosial juga tergugat. Sektor pendidikan juga turut terkena tempias pandemic ini. Sekolah dan institusi pengajian tinggi di negara-negara yang terlibat terpaksa ditutup untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Tiada lagi P&P bersemuka secara fizikal di bangunan sekolah atau university. Jam pertemuan fizikal

digantikan dengan aktiviti P&P dalam talian supaya penjarakan fizikal dapat dilakukan. Walaupun konsep pembelajaran dalam talian juga digunakan sebelum wabak ini melanda, tetapi tidak melibatkan keseluruhan sistem pengajaran dan pembelajaran (blended-learning).

Pembelajaran dalam talian ini mencetuskan pelbagai reaksi dalam masyarakat dunia dari segi kebolehcapaian, kemampuan dan fleksibiliti. Perubahan drastic ini membawa pelbagai cabaran dan halangan terutamanya kepada negara yang bergantung sepenuhnya kepada pembelajaran konvensional atau pembelajaran di dalam kelas dan kurang menggunakan teknologi moden dalam menyampaikan ilmu, seperti di Pakistan dan India. Masalah capaian internet yang terhad dan mahal antara cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar di sana. Selain itu, cara pembelajaran digital ini juga menyebabkan interaksi antara guru dan pelajar menjadi kurang efektif dan memberi pengalaman belajar yang berbeza kepada pelajar, terutamanya mereka yang mempunyai masalah talian internet berkelajuan tinggi (Adnan & Anwar, 2020; Shivangi, 2020).

Cabaran ini juga dirasai oleh tenaga pengajar. Mereka terpaksa mengubah suasana dan strategi pengajaran serta cara penyampaian dalam kelas supaya dapat memberi impak pembelajaran yang baik (Hill & Fitzgerald, 2020). Tugas guru dan pensyarah semakin mencabar kerana terpaksa menyesuaikan kaedah pengajaran dengan norma dan kelaziman baharu (Bernama, 16 Mei 2020) yang menuntut penggunaan dunia maya sepenuhnya dan berinteraksi dengan pelajar dari jarak jauh (*remote learning*). Bagi tenaga pengajar yang kurang mahir dalam teknologi, mereka terpaksa belajar dan menguasai dalam masa yang singkat bagaimana mengendalikan kelas menggunakan aplikasi atau platform yang sesuai.

Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan yang mula dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020. Sejak itu bermula lah sejarah pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian sepenuhnya di sekolah mahu pun di institut pengajian tinggi sebagai langkah membendung dan memutuskan rantai wabak COVID-19 (Muzaffar Syah Mallow, 2020). Ini bermakna menjadikan sistem P&P dalam talian adalah kemestian, bukan lagi satu pilihan dan menjadi kewajipan para pendidik untuk menguasai teknologi maklumat demi kelangsungan ilmu.

Hakikatnya, terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa diharungi oleh para pendidik dan pelajar. Salah satu cabaran yang utama ialah kebolehcapaian internet, terutamanya di pihak pelajar. Ada pelajar yang tidak mempunyai cukup data internet dan ada juga yang tidak mempunyai capaian internet kuat hingga menyebabkan talian terputus-putus sewaktu mengikuti kelas. Tenaga pengajar pula mungkin terpaksa menguji aplikasi dan platform yang bersesuaian untuk memastikan penyampaian ilmu dalam dilakukan dengan baik (Ehwan, 2020). Mereka juga perlu menyesuaikan penilaian dan pentaksiran pelajar dengan konsep P&P dalam talian. Semuanya ini bukanlah satu yang mudah kerana memerlukan kecekapan dan kemahiran untuk menggunakan aplikasi teknologi yang mungkin masih baharu kepada sesetengah tenaga pengajar.


Metodologi

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang bertujuan meninjau pengalaman pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa Utama mempelajari kursus-kursus di USIM secara dalam talian bermula Jun 2020 sejak Perintah Kawalan Pergerakan diumumkan susulan penularan COVID-19. Kursus Metodologi Penyelidikan (RM) dipilih antara kursus yang dipelajari kerana kursus yang bersifat praktikal ini hakikatnya memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar pensyarah untuk menghasilkan kertas konsep (*proposal*). Soal selidik telah diedarkan kepada pelajar Tahun 4 yang telah mengambil kursus ini pada semester lepas melalui *Google Form*. Seramai 85 orang pelajar telah menjawab soal selidik tersebut. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian utama, iaitu pandangan dan masalah pelajar belajar RM secara dalam talian serta harapan pelajar terhadap pembelajaran RM dalam talian.

Dapatan


Soal selidik diedarkan kepada pelajar SMBAK yang telah mengambil kursus Metodologi Penyelidikan untuk mengetahui pandangan mereka tentang pembelajaran atas talian atas arahan pihak USIM bagi memastikan aktiviti P&P terus berjalan.

1- Data untuk bahagian pertama: pandangan pelajar belajar RM secara dalam talian



2- Data untuk bahagian pertama: masalah pelajar belajar RM secara dalam talian

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PELAJAR SEMASA BELAJAR RM SECARA ONLINE



3- Data untuk bahagian pertama: harapan pelajar terhadap pembelajaran RM secara dalam talian.

Berikut ialah antara harapan yang dinukilkan oleh pelajar:

1. Harap subjek ini dapat diperkembangkan lagi untuk bersesuaian dengan suasana online learning
2. Selalu fokus dan peka semasa pembelajaran online. Pastikan pelajar mempunyai capaian internet yang baik.
3. Saya berharap agar tugas yang diberikan bersesuaian dengan suasana pembelajaran secara online.
4. Berharap bahawa para pengajar memahami pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian Internet lemah dalam belajar online. Pelajar-pelajar juga mesti kuatkan diri dalam belajar. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang.
5. Pengajaran SPSS dan Atlas.ti diberikan langkah yang jelas.
6. Cabaran kelas online terlalu byk .. harap dikurangkan sedikit assignment sbb trlalu byk subjek lain yg byk digantikn dgn *assignment*..sbb tiada final exam ..
7. Harapan semoga dapat kembali ke kampus agar boleh bersemuka dengan pensyarah untuk perbincangan yang lebih mendalam dan membuka minda.
8. Semoga subjek pembelajaran RM dapat dijalankan dengan lebih menarik
9. Moga dapat dilaksanakan bersesuaian dengan kaedah atas talian
10. Memerlukan kefahaman dan pendedahan yang lebih mendalam mengenai subjek tersebut terutamanya dalam bidang penulisan untuk memudahkan ketika menulis thesis.

Perbincangan

Daripada data yang dipaparkan di atas, majoriti pelajar (52.9%) berpendapat bahawa kursus yang praktikal perlukan latihan praktikal. Ini bermakna mereka bersetuju kursus RM ini perlu kepada pembelajaran bersemuka berbanding atas talian. Kebanyakan pelajar

juga berpandangan bahawa latihan dan tugas perlu bersesuaian dengan kaedah P&P dalam talian. Pembelajaran dalam talian yang dirakam oleh pensyarah mudah disimpan dan boleh dilihat atau didengar berulang kali. Data juga menunjukkan bahawa ramai pelajar tidak gemar atau tidak selesa belajar secara dalam talian berbanding pelajar yang merasa seronok dengan kaedah ini. Didapati ada juga pelajar yang merasa bosan belajar dalam talian.

Dalam pada itu, pelajar turut menyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka semasa belajar kursus ini secara dalam talian. Majoriti mengatakan bahawa mereka tidak dapat memahami pelajaran dengan baik, tidak dapat bertemu pensyarah sekiranya bermasalah dan adakalanya salah faham terhadap arahan yang diberikan. Ini mungkin kerana kursus ini bersifat praktikal, maka adalah lebih efektif sekiranya mereka dapat bersemuka untuk bertanyakan pelajaran yang tidak difahami. Masalah lain yang dihadapi pelajar juga berkaitan dengan capaian yang lemah dan data internet yang terhad. Ada juga yang berpendapat adalah tidak praktikal belajar RM melalui dalam talian. Kesemua masalah ini menunjukkan bahawa pembelajaran RM secara dalam talian mempunyai masalah yang mungkin menyebabkan penyampaian ilmu kurang berkesan. Tambahan pula konsep pengajaran dalam talian sepenuhnya ini masih baharu dan perlu kepada pengubahsuaian dalam pelbagai aspek yang melibatkan kaedah pengajaran dan pentaksiran.

Mereka juga turut menzahirkan harapan terhadap pembelajaran RM secara dalam talian sekiranya kaedah ini masih digunakan lagi dalam semester akan datang. Antara harapan yang diutarakan ialah mengurangkan bilangan tugas untuk kursus RM kerana kursus-kursus lain juga turut memberikan tugas yang banyak sebagai menggantikan peperiksaan akhir tahun. Selain itu, diharapkan agar tenaga pengajar memahami masalah capaian internet yang dihadapi oleh sesetengah pelajar. Harapan terbesar mereka ialah kursus RM, termasuk tugas, dapat disampaikan dengan kaedah yang bersesuaian dengan suasana dan konsep dalam talian. Ada juga yang berharap agar dapat kembali ke kampus dan belajar RM secara bersemuka dengan pensyarah supaya perbincangan yang lebih mendalam dan membuka minda dapat dilakukan.

Penutup

Penularan pandemic COVID-19 memaksa sektor pendidikan beralih daripada proses pengajaran dan pembelajaran konvensional yang banyak dilakukan di institusi Pendidikan kepada satu bentuk norma baharu pendidikan iaitu pengajaran dan pembelajaran dalam talian atau secara maya. Perubahan drastik ini mencetus pelbagai cabaran kepada golongan pendidik dan pelajar yang terpaksa menyesuaikan diri dalam suasana pengajaran dan pembelajaran dalam talian atau secara maya. Justeru, tidak hairanlah kalau kita dapati terdapat pelajar yang kurang selesa dan tidak gemar mengikuti pembelajaran dalam talian.

Secara umumnya, dapat disimpulkan daripada kajian ini bahawa kebanyakan pelajar lebih gemar konsep P&P konvensional dalam pembelajaran kursus Metodologi Penyelidikan yang bersifat praktikal. Ini bermakna mereka lebih suka bersemuka secara fizikal dengan pensyarah bagi kursus ini. Kursus ini yang menekankan cara penulisan tesis dan menganalisis data dilihat lebih sesuai dijalankan secara fizikal berbanding dalam talian.

Selain itu, didapati kebolehcapaian internet juga menjadi satu masalah yang dihadapi oleh pelajar yang tidak mendapat liputan internet yang kuat. Namun, terdapat kelebihan menggunakan platform teknologi tertentu dalam P&P, antaranya pembelajaran dalam talian yang dirakam oleh pensyarah mudah disimpan dan boleh dilihat atau didengar berulang kali.

Walau bagaimana pun, di era Revolusi Industri 4.0 ini, penggunaan teknologi moden dalam proses P&P tidak dapat dielakkan. Para pendidik dan pelajar harus mempersiapkan diri untuk menguasai kemahiran teknologi maklumat ini. Dalam pada itu, masalah capaian internet yang berlaku sehingga ke hari ini harus ditangani atau ditambah baik oleh pihak berwajib. Pandemik COVID-19 secara tidak langsung mengembangkan potensi teknologi maklumat dalam kalangan masyarakat agar menjadi masyarakat celik teknologi selaras dengan perkembangan global masa kini,

Rujukan

Adnan, M & Anwar, K. (2020). Online learning amid the COVID-19 pandemic: Students' perspectives. *Journal of Pedagogical Sociology and Psychology*, 2 (1), 45-51.

Bernama. (2020 Mei 16). COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru. *Berita Harian*. Dicapai pada 1 Disember 2020 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>

Ehwan Ngadi. (2020). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. *E-RISALAH USIM*. Dicapai pada 2 Disember 2020 dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>

Hill, K & Fitzgerald, R. (2020). Student Perspectives on the Impact of COVID-19 on Learning. *AISHE-J*, 12 (2), 1-9.

Muzaffar Syah Mallow. (2020 Jun 29). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Tinta Minda*. Dicapai pada 2 Disember 2020 dari <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1853908>

Shivangi,D. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems* 2020, 49(1), 5–22.